

# UMS, ITBM jalin kerjasama terjemahan, suntingan

## Meningkatkan bilangan penterjemah dan penyunting bertauliah dalam kalangan kakitangan akademik UMS

UB 24.03.2023 P.03



**KERJASAMA:** Kasim (dua kiri) dan Sakri bertukar dokumen MoU sempena majlis itu.

**KOTAKINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menjalinkan kerjasama bersama Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) bagi memperkasa bidang penterjemahan dan penyuntingan antara kedua-dua pihak.

Jalinan kerjasama tersebut dimeterai dalam satu Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara kedua-dua pihak yang berlangsung di Bilik Mesyuarat Senat, UMS.

UMS diwakili Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj Mansor menandatangani dokumen MoU tersebut, sambil disaksikan Pendaftar UMS, Luqman Ridha Anwar.

ITBM pula diwakili oleh Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif ITBM, Sakri Abdullah dan disaksikan Pengurus Peman-

gunaan Perniagaan ITBM, Nor Azanizan Anwar.

Kasim dalam ucapannya sempena majlis tersebut memaklumkan, MoU itu antara lain bertujuan meningkatkan bilangan penterjemah dan penyunting bertauliah dalam kalangan kakitangan akademik UMS.

“Kerjasama ini juga adalah bagi mengetengahkan UMS sebagai salah satu hab khidmat terjemahan dan suntingan berkualiti di Sabah khususnya dan Malaysia amnya.

“Selain itu, kedua-dua pihak juga komited untuk memperkenalkan bidang dan kebolehan terjemahan dan suntingan sebagai satu kerjaya yang boleh dipercayai, berpotensi dan mampu memberi nilai tambah,” katanya.

Menurutnya lagi, UMS dan ITBM bersetuju untuk menjalinkan kerjasama dalam

tiga perkara.

“UMS dan ITBM akan menganjurkan Bengkel Penterjemahan dan Penyuntingan untuk kakitangan akademik UMS bagi memperluaskan bilangan penterjemah bertauliah di UMS, selain membangunkan dan mempromosikan UMS sebagai ITBM East Malay Hub termasuk penyediaan logistik dan khidmat kepakaran oleh ITBM.

“Perkara ketiga ialah dari aspek penerbitan buku, iaitu memberi pendedahan, latihan dan peluang kepada warga UMS untuk menerbitkan buku tanpa kerumitan proses penerbitan dan masalah kos,” katanya.

Beliau menambah, pelbagai impak positif mampu terhasil daripada MoU UMS-ITBM tersebut.

“Skop kerjasama yang

menyeluruh ini bakal memberi impak yang positif dalam menjadikan UMS sebagai salah satu hab khidmat terjemahan dan suntingan berkualiti dan secara tidak langsung membawa kepada peningkatan keterlihatan dan prestij universiti.

“MoU ini jugak bakal mengeratkan hubungan antara UMS dengan ITBM agar dapat saling membantu dan berkongsi ilmu dalam menjayakan program-program yang dikenal pasti,” ujar beliau.

Hadir sama Ketua Pustakawan UMS, Md. Sazali Md. Salleh; Penasihat Undang-undang UMS, Awang Suhaizam Bongsu; Dekan Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Prof. Madya Dr. Lai Yew Meng; dan Eksekutif Kanan Komunikasi dan Perhubungan Awam ITBM, Norzaiti Abd Talib.